


25 JANUARI 2010 / 10 SAFAR 1431H
=====

"UUM: UNIVERSITI PILIHAN UTAMA"
(FIRST CHOICE UNIVERSITY)

Fokus Pembentukan Karakter – Tun Dr. Mahathir

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar: Zamarizul Salleh



WACANA ILMU... Kolokium Pendidikan Negeri Kedah yang berlangsung di Dewan Mu'adzam Shah, pagi tadi.

PROUUM ONLINE: Kepincangan akhlak hanya akan merosakkan masyarakat dan meletakkan negara pada tahap berbahaya apabila melahirkan generasi yang menggunakan ilmu pengetahuan untuk kepentingan diri dan bukannya memberi kebaikan kepada masyarakat dan negara.

Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, didikan ialah proses menerapkan nilai-nilai mulia dengan membentuk karakter murid agar berdisiplin yang mana mereka perlu diajar membezakan antara yang baik dan buruk, terdorong untuk melakukan kebajikan dan membenci perbuatan negatif.

"Guru agama bertanggungjawab mendidik anak-anak menjadi insan yang mulia namun mereka lebih menumpukan kepada aspek ibadah dan mengabaikan pembentukan karakter yang baik," katanya ketika menyampaikan ucapan bertajuk Pendidikan Pada Masa Depan di Dewan Mu'adzam Shah, pagi tadi.

Tegasnya, mereka perlu menerapkan nilai betapa pentingnya seseorang itu bersikap jujur, ikhlas dan tahu berterima kasih. Apabila unsur ini tidak diterapkan akan berlaku huru-hara dalam masyarakat seperti pecah amanah, rasuah dan pelbagai bentuk penyelewengan lain.

"Tidak ada maknanya jika mempunyai ilmu yang banyak tanpa sahsiah yang baik. Ilmu memberikan kuasa dan apabila kuasa itu disalahguna hanya akan merosakkan masyarakat.

"Kalau diberi peluang untuk menjadi Menteri Pelajaran saya akan fokus kepada pendidikan karakter dalam melahirkan modal insan yang berakhlak mulia seterusnya menjadi aset kebanggaan negara. Ilmu kurang tidak mengapa asalkan karakter dan sahsiahnya baik," jelasnya dalam Kolokium Pendidikan Negeri Kedah yang bertemakan 'Pendidikan Benteng Negara'.

Mahathir berkata, dahulunya pendidikan banyak bergantung kepada ibu bapa dalam membentuk karakter namun pada masa sekarang ibu bapa tidak mempunyai kualiti masa dan sibuk bekerja.

"Akibatnya anak-anak ditinggalkan tanpa asuhan yang sempurna sehingga mudah dipengaruhi unsur negatif dan tugas besar ini diserahkan kepada pihak sekolah untuk mendidik anak-anak," ujarnya.

Jelasnya, perubahan dalam arena pendidikan berlaku sepanjang masa justeru, apabila kita ingin tahu apakah jenis pendidikan pada masa hadapan kita perlu menoleh ke belakang untuk melihat *progress* dalam bidang pendidikan sejak dahulu.

"Dahulu, kadar buta huruf amat tinggi namun kemajuan dalam sistem pendidikan membuatkan Malaysia mencapai kecemerlangan apabila mencatatkan 90 peratus kadar celik huruf.

"Bagi sesuatu bangsa, tamadunnya bermula apabila ia dapat menterjemahkan perkataan yang digunakan dalam percakapan kepada simbol-simbol yang boleh ditulis supaya apabila seseorang itu sudah tiada, pemikiran dan percakapannya boleh dipelajari dan dimanfaatkan oleh orang lain," katanya.

Jelasnya, tanpa bahasa dan tulisan kita tidak dapat meningkatkan pendidikan untuk menguasai pelbagai cabang ilmu yang amat berkait rapat dengan persekitaran.

"Apabila persekitaran telah berubah kita juga perlu mengubah pengajaran supaya sesuai dengan kehendak sekeliling kerana alam sekeliling mempunyai pengaruh ke atas ilmu yang dipelajari," ujarinya.

Dalam pada itu, mengulas mengenai Wawasan 2020, Malaysia dijangka akan menjadi negara yang maju berdasarkan pertumbuhan yang baik sekitar 1990 dan sekiranya prestasi ini dapat dikekalkan dalam tempoh 30 tahun akan datang kita akan menjadi sebuah negara maju.

Tambahnya, Wawasan 2020 adalah visi jangka masa panjang yang menggariskan hala tuju ekonomi negara ke arah mencapai status negara maju dengan acuan sendiri menjelang 2020.

"Ramai yang bertanya bagaimana saya mempunyai wawasan yang begitu jauh apabila Wawasan 2020 dilancarkan pada 1991. Kita mampu membuat jangkaan berdasarkan kebolehan, kekuatan dan meneka apa yang akan berlaku dengan melihat sejarah, mengambil kira apa yang berlaku dan membuat anggapan yang kita akan mencapai tahap seperti itu menjelang 2020, demikian juga dalam bidang pendidikan," ulasnya.

Kolokium anjuran Persatuan Kecemerlangan Pendidikan Negeri Kedah dan Bidang Pengajian Pendidikan, College of Arts and Sciences (UUM CAS) bertujuan untuk percambahan minda dalam mendapatkan input tentang cadangan penambahbaikan sistem pendidikan di negeri Kedah ke arah mencapai kecemerlangan.

Hadir sama, wakil Penaung Cerdik, Dato' Ir Nawawi Ahmad, Dato' Abd Aziz Sheikh Fadzir, Naib Canselor UUM, Tan Sri Dr. Nordin Kardi, guru besar, pendidik, Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), staf dan mahasiswa UUM.

Habis.

=====

DARIPADA:
 PEJABAT PERHUBUNGAN AWAM
 UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
 TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
 FAKS: 04-928 3016
 E-MEL: prouum@uum.edu.my